

## Terma Dan Syarat Penggunaan API Korporat OCBC

Dalam pertimbangan OCBC Bank (Malaysia) Berhad [199401009721 / 295400-W] dan/atau OCBC Al-Amin Bank Berhad [200801017151 / 818444-T] (seterusnya dikenali sebagai "OCBC", istilah ini termasuk pengganti hak milik dan pemegang serah haknya) kepada pemohon ("Pelanggan") API Korporat OCBC sebagaimana yang dilanggan atau diterima oleh Pelanggan mengikut cara yang ditetapkan oleh OCBC, Pelanggan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Terma Penggunaan ini ("Terma Penggunaan").

## Terma Dan Syarat Penggunaan API Korporat OCBC

Dengan mengakses dan menggunakan API, Pelanggan bersetuju menerima Terma dan Syarat Penggunaan ini. Sila baca dengan teliti.

### Bahagian 1 – Definisi and Pentafsiran

#### 1. DEFINISI

- 1.1 Dalam Terma Penggunaan ini, melainkan jika konteks menghendaki sebaliknya, istilah berikut merujuk kepada:
- 1.1.1 "API" bermaksud mana-mana antaramuka pengaturcaraan aplikasi, termasuk sebarang kod perisian yang terkandung di dalamnya dan/atau melaksanakan yang sama;
  - 1.1.2 "Garis Panduan Harga API Korporat" bermaksud sebarang garis panduan harga atau terma dan syarat yang menetapkan yuran atau caj untuk akses atau penggunaan API OCBC seperti yang ditetapkan dalam surat tawaran atau perjanjian lain sepertinya antara OCBC dan Pelanggan;
  - 1.1.3 "Dokumentasi API Korporat" bermaksud sebarang dokumentasi yang relevan, notis, arahan, garis panduan dan peraturan operasi dan dasar yang berkaitan dengan mana-mana API OCBC yang dikeluarkan oleh OCBC dari semasa ke semasa, atau sebarang spesifikasi yang relevan yang ditetapkan oleh OCBC dari semasa ke semasa, yang mungkin dimaklumkan kepada Pelanggan atau sebaliknya;
  - 1.1.4 "Karya Terbitan" ditakrifkan dalam Klausa 10;
  - 1.1.5 "Pengguna Akhir" bermaksud pengguna akhir Aplikasi Pelanggan, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada, (1) pemegang saham, pengarah, pengurus, pegawai, pekerja, rakan kongsi, pemegang jawatan dan individu atau pengguna yang dibenarkan kepada (a) Pelanggan, (b) pelanggan kepada Pelanggan dan (c) wakil Pelanggan; serta (2) pelanggan kepada Pelanggan yang merupakan individu sebenar;
  - 1.1.6 "Arahan Elektronik Pengguna Akhir" bermaksud sebarang Komunikasi Pelanggan yang dihantar atau dikeluarkan melalui API OCBC untuk atau bagi pihak Pengguna Akhir, termasuk berhubung dengan Perkhidmatan API Korporat OCBC dan/atau Transaksi Pelanggan dan diterima oleh OCBC;
  - 1.1.7 "Ejen Pelanggan" bermaksud ejen pihak ketiga atau penyedia perkhidmatan yang mempunyai perjanjian/pengaturan dengan Pelanggan (a) untuk hak, kebenaran atau lesen untuk menggunakan Aplikasi Pelanggan berkaitan dengan penggunaan API OCBC dan/atau (b) dengan kuasa dan kebenaran untuk mengakses dan memproses Maklumat (seperti yang ditakrifkan dalam klausa 7.1 di bawah) dan melakukan tindakan sedemikian untuk dan bagi pihak Pelanggan tertakluk pada Terma Penggunaan ini;
  - 1.1.8 "API Pelanggan" bermaksud mana-mana API yang disediakan oleh atau bagi pihak Pelanggan kepada OCBC dari semasa ke semasa, termasuk sebarang perkhidmatan, fungsi dan ciri yang disediakan melalui API tersebut oleh atau bagi pihak Pelanggan;
  - 1.1.9 "Aplikasi Pelanggan" bermaksud aplikasi perisian, platform, laman web atau aplikasi lain yang dimiliki oleh Pelanggan atau dilesenkan kepada Pelanggan (sama ada oleh Ejen Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga lain) yang melibatkan penggunaan API OCBC;
  - 1.1.10 "Komunikasi Pelanggan" bermaksud sebarang maklum balas, pemberitahuan, arahan, komunikasi, data atau maklumat yang disampaikan oleh atau bagi pihak Pelanggan kepada OCBC, termasuk Arahan Elektronik Pengguna Akhir, dan sebarang kod pengenalan unik yang mengenal pasti Transaksi Pelanggan yang relevan (seperti, tanpa had, "Nombor Rujukan Bank", "Nombor Rujukan Transaksi", "Rujukan Transaksi Unik", dsb.);
  - 1.1.11 "Transaksi Pelanggan" bermaksud sebarang transaksi atau arahan yang dilaksanakan atau dikeluarkan, atau dikatakan dilaksanakan atau dikeluarkan, melalui API OCBC;

- 1.1.12 "Penerima Indemniti" ditakrifkan dalam Klausula 9.1;
- 1.1.13 "API OCBC" bermaksud mana-mana API yang disediakan oleh atau bagi pihak OCBC kepada Pelanggan dari semasa ke semasa, termasuk sebarang perkhidmatan, fungsi dan ciri yang disediakan melalui API tersebut oleh atau bagi pihak OCBC dan sebarang pengubahsuaian, konfigurasi semula, penambahbaikan dan/atau perubahan kepada mana-mana perkara di atas;
- 1.1.14 "Komunikasi OCBC" bermaksud sebarang maklum balas, pemberitahuan, arahan, komunikasi, data, maklumat, penyata, pengakuan, kemas kini status, pengesahan transaksi dan/atau sebarang bahan lain (termasuk pangkalan data, teks, grafik, gambar, animasi, audio, muzik, video, pautan atau kandungan lain) yang disediakan, tersedia atau disampaikan oleh atau bagi pihak OCBC kepada Pelanggan;
- 1.1.15 "Perkhidmatan API Korporat OCBC" merujuk kepada sebarang perkhidmatan, produk, ciri dan/atau fungsi yang ditawarkan oleh OCBC untuk membolehkan Pengguna Akhir melaksanakan Transaksi Pelanggan, termasuk penghantaran Komunikasi Pelanggan kepada OCBC, pemindahan dana dan/atau pembayaran bil;
- 1.1.16 "Perkhidmatan OCBC" bermaksud sebarang perkhidmatan yang OCBC telah bersetuju untuk menyediakan atau mengadakan kepada Pelanggan termasuk Perkhidmatan API Korporat OCBC, Komunikasi OCBC dan API OCBC (mengikut mana-mana yang berkenaan), serta sebarang maklumat dan bahan yang disediakan melalui API OCBC;
- 1.1.17 "Kata Laluan" merujuk kepada kata laluan sah yang digunakan oleh Pelanggan bersama dengan Nama Pengguna untuk mengakses API OCBC;
- 1.1.18 "Data Peribadi" merujuk kepada sebarang maklumat, sama ada benar atau tidak, mengenai individu yang boleh dikenal pasti (a) daripada data tersebut; atau (b) daripada data tersebut dan maklumat lain yang dimiliki oleh OCBC atau mungkin mempunyai akses, termasuk data dalam rekod OCBC yang mungkin dikemas kini dari semasa ke semasa. Contoh Data Peribadi tersebut termasuk nama, alamat, nombor kad pengenalan pendaftaran negara ("K/P") individu atau alamat e-mel;
- 1.1.19 "Tanda Dagangan" ditakrifkan dalam Klausula 10; dan
- 1.1.20 "Nama Pengguna" merujuk kepada nama atau kod pengenalan log masuk unik yang mengenal pasti Pelanggan.

## 1.2 TAFSIRAN

Dalam Terma Penggunaan ini: (i) apabila perkataan "termasuk" digunakan dalam Terma Penggunaan ini, ia akan dianggap sebagai diikuti dengan perkataan "tanpa had"; (ii) perkataan yang merujuk kepada tunggal sahaja hendaklah juga termasuk majmuk atau sebaliknya berdasarkan konteks yang bersesuaian ; (iii) rujukan kepada undang-undang atau peruntukan berkanun dalam Terma Penggunaan ini adalah berdasarkan kepada undang-undang atau peruntukan berkanun di Malaysia melainkan dinyatakan sebaliknya, dan hendaklah termasuk undang-undang atau peruntukan berkenaan yang dari semasa ke semasa diubah suai atau digubal semula atau disatukan setakat pengubahsuaian atau penggubalan semula atau penyatuhan tersebut terpakai atau mampu digunakan pada hal perkara atau transaksi yang dibuat mengikut Terma Penggunaan ini; dan (iv) tajuk klausula dimasukkan untuk kemudahan sahaja dan tidak akan menjelaskan tafsiran Terma Penggunaan ini.

## Bahagian 2 – Terma yang mengawal akses dan penggunaan API OCBC dan Komunikasi OCBC

Bahagian ini terpakai apabila Pelanggan menggunakan API OCBC.

### 2. LESEN UNTUK MENGGUNAKAN API

- 2.1 OCBC memberikan kepada Pelanggan hak peribadi, terhad, tidak eksklusif, tidak boleh dipindah milik, tidak boleh sublesen untuk mengakses dan menggunakan API OCBC mengikut cara yang dibenarkan dan sentiasa tertakluk pada Terma Penggunaan ini.
- 2.2 OCBC menyimpan semua hak yang tidak diberikan di bawah ini.
- 2.3 Untuk mengelakkan keraguan, OCBC tidak akan pada bila-bila masa diwajibkan untuk menyediakan sebarang pengubahsuaian kepada API OCBC, termasuk sebarang kemas kini dan/atau naik taraf kepada API OCBC atau mana-mana versi baharu dan/atau keluaran API OCBC yang menghasilkan ciri baharu.
- 2.4 OCBC berhak untuk mengenakan caj akses atau penggunaan API OCBC dan/atau Perkhidmatan API Korporat OCBC. Pelanggan hendaklah membayar caj yang berkenaan menurut Garis Panduan Harga API Korporat oleh OCBC. OCBC berhak untuk menyemak semula Garis Panduan Harga API Korporat mengikut budi bicara mutlaknya dari semasa ke semasa melalui notis kepada Pelanggan menurut Klausula 15.
- 2.5 Pelanggan dengan ini memberikan kepada OCBC hak berbayar penuh, bukan eksklusif, boleh dipindah milik, boleh sublesen untuk mengakses dan menggunakan API Pelanggan.
- 2.6 Pelanggan menjamin dan merepresentasi untuk manfaat OCBC bahawa:

- 2.6.1 Pelanggan berhak dan memperoleh semua persetujuan yang diperlukan untuk masuk ke dalam Perjanjian ini dan memberikan kepada OCBC lesen atau sublesen untuk menggunakan API Pelanggan seperti yang difikirkan oleh Perjanjian Penggunaan ini;
- 2.6.2 API Pelanggan dan mana-mana Komunikasi Pelanggan adalah bebas daripada virus, kod hasad atau komponen berbahaya yang boleh menjelaskan atau merosakkan operasi komputer atau peralatan individu lain; dan
- 2.6.3 API Pelanggan tidak menggunakan, mengandungi, memasukkan atau membentuk sebarang perisian sumber terbuka.

### **3. KEPERLUAN DAN SEKATAN LESEN**

- 3.1 Pelanggan bagi pihaknya sendiri dan Pengguna Akhir bersetuju dan berjanji untuk mematuhi sebarang keperluan atau sekatan lesen yang dirujuk dalam Dokumentasi API Korporat.
- 3.2 Pelanggan hendaklah, melainkan dipersetujui sebaliknya dengan nyata oleh OCBC secara bertulis:
  - 3.2.1 menggunakan API OCBC hanya untuk tujuan bukan komersial;
  - 3.2.2 menggunakan API OCBC hanya berdasarkan mana-mana Dokumentasi API Korporat yang relevan dan hanya untuk tujuan yang dibenarkan oleh mana-mana undang-undang atau peraturan yang berkaitan;
  - 3.2.3 membenarkan paparan, memaparkan secara jelas dan/atau tidak mengaburkan paparan, menurut konteks yang dibenarkan, sebarang nama dagangan, tanda dagangan, logo, nama domain dan/atau atribut lain kepada jenama OCBC yang dijana secara automatik melalui penggunaan API OCBC. Pelanggan bersetuju bahawa OCBC berhak sepenuhnya dengan budi bicara untuk menentukan sama ada pematuhan Pelanggan terhadap atribut di atas dan/atau atribut tersebut adalah memuaskan;
  - 3.2.4 mengambil semua langkah dan/atau langkah berjaga-jaga yang secukupnya untuk memastikan bahawa Aplikasi Pelanggan (sama ada menggunakan API OCBC atau tidak) tidak tersilap atau disalah nyatakan sebagai produk atau perkhidmatan OCBC. Pelanggan bersetuju bahawa Aplikasi Pelanggan hendaklah pada setiap masa disediakan atau diadakan sebagai aplikasi atau perkhidmatan Pelanggan;
  - 3.2.5 memaklumkan dan mendapatkan persetujuan daripada Pengguna Akhir sebelum data lokasi mereka dikumpul, dihantar atau sebaliknya digunakan oleh mana-mana Aplikasi Pelanggan yang menawarkan perkhidmatan atau fungsi yang berasaskan lokasi;
  - 3.2.6 memastikan bahawa Pelanggan sama ada memiliki semua kandungan yang digunakan dalam Aplikasi Pelanggan, atau telah mendapat kebenaran daripada pemilik kandungan yang relevan untuk menggunakan kandungan mereka dalam Aplikasi Pelanggan; dan
  - 3.2.7 memastikan bahawa ia telah melaksanakan pengaturan keselamatan yang munasabah (termasuk, jika sesuai, langkah fizikal, pentadbiran, prosedur dan teknologi) untuk menghalang sebarang capaian yang tidak dibenarkan, tidak sengaja atau menyalahi undang-undang kepada perisian, sistem, rangkaian atau pelayan Pelanggan.
- 3.3 Pelanggan juga hendaklah, melainkan jika sebaliknya dipersetujui dengan nyata oleh OCBC secara bertulis:
  - 3.3.1 hanya menggunakan Komunikasi OCBC untuk tujuan dalaman atau tujuan lain yang dibenarkan oleh OCBC secara bertulis;
  - 3.3.2 tidak mendedahkan, menjual atau memindahkan mana-mana Komunikasi OCBC tanpa kebenaran bertulis OCBC terlebih dahulu;
  - 3.3.3 melaksanakan perlindungan yang munasabah untuk melindungi semua Komunikasi OCBC daripada akses atau penggunaan yang tidak dibenarkan; dan
  - 3.3.4 segera memadam mana-mana dan semua Komunikasi OCBC atas permintaan OCBC.
- 3.4 Pelanggan tidak boleh, kecuali sebaliknya dipersetujui secara bertulis oleh OCBC:
  - 3.4.1 menjual, menjual semula, menyerahkan, memberi sublesen, mengedar, menghantar, memaparkan secara terbuka, menyewa, memajak, meminjamkan, mengeksport, menawarkan atas dasar "bayar setiap penggunaan" atau menerbitkan API atau mana-mana bahagian daripadanya dalam sebarang bentuk dengan sebarang cara kepada mana-mana pihak ketiga, untuk manfaat kewangan atau sebarang pertimbangan lain;
  - 3.4.2 mengganggu atau menggadalakan API OCBC atau pelayan atau rangkaian yang menyediakan API OCBC atau mana-mana bahagian daripadanya;
  - 3.4.3 kejuruteraan terbalik atau ekstrak, atau cubaan kejuruteraan terbalik atau mengekstrak, kod sumber daripada mana-mana API OCBC;
  - 3.4.4 menggunakan API OCBC, Komunikasi OCBC dan/atau Aplikasi Pelanggan dengan cara yang:
    - (i) melanggar mana-mana undang-undang dan peraturan yang terpakai; atau

- (ii) menggalakkan atau memudahkan sebarang bentuk bahan atau aktiviti yang OCBC anggap tidak menyenangkan atau akan tertakluk pada risiko reputasi, termasuk, tanpa had, perjudian, lucah, pornografi, pelacuran, dadah, jenayah, kekejaman, keganasan dan sebarang bahan atau aktiviti lain ; dan/atau
- 3.4.5 memadam atau mengubah sebarang nama dagangan, tanda dagangan, logo, nama domain dan/atau atribut lain kepada jenama OCBC, yang disediakan kerana penggunaan API OCBC.
- 3.5 Sebarang pelanggaran keperluan atau sekatan yang disebut di atas akan mengakibatkan penamatkan serta-merta dan automatik semua hak dan lesen yang diberikan di bawah ini. Sekatan penggunaan yang dinyatakan di sini akan kekal selepas penamatkan Terma Penggunaan ini.

### **3A. SEKATAN**

#### **3A.1 Tafsiran**

Definisi berikut hendaklah mempunyai maksud berikut masing-masing dalam Klausus 3A ini:

“Sekutu” bermaksud, sebuah syarikat yang berkaitan dengan Pelanggan termasuk “syarikat pegangan utama seperti yang ditakrifkan di bawah S5 dan S7 Akta Syarikat 2016.

“Undang-undang Pencegahan Rasuah” bermaksud Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, Akta Rasuah 2010 United Kingdom, Akta Amalan Rasuah Asing Amerika Syarikat 1977 dan mana-mana undang-undang, peraturan atau pengawalan serupa yang dikeluarkan, ditadbir atau dikuatkuasakan oleh Malaysia, Amerika Syarikat, atau mana-mana bidang kuasa lain.

“Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram” bermaksud keperluan penyimpanan dan pelaporan rekod kewangan yang terpakai dan statut pengubahan wang haram di Malaysia dan setiap bidang kuasa di mana Pelanggan dan Ahli Sekutunya menjalankan perniagaan atau operasi, peraturan dan pengawalan di bawahnya dan sebarang peraturan, pengawalan atau garis panduan yang berkaitan atau serupa, yang dikeluarkan, ditadbir atau dikuatkuasakan oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau kawal selia atau prosiding oleh atau di hadapan mana-mana mahkamah.

“terkawal” bermaksud apabila seseorang (sama ada secara langsung atau tidak langsung dan sama ada dengan modal saham, kuasa mengundi, kontrak atau sebaliknya) mempunyai kuasa untuk melantik dan/atau memecat majoriti ahli badan induk orang lain atau sebaliknya mengawal atau mempunyai kuasa untuk mengawal hal ehwal dan dasar individu lain tersebut dan individu lain tersebut dianggap “dikawal” oleh orang pertama.

“majoriti dimiliki” bermaksud pegangan secara berfaedah atau sah lebih daripada 50 peratus modal saham terbitan (atau setara) atau hak mengundi individu tersebut (tidak termasuk mana-mana bahagian modal saham terbitan tersebut (atau setara) yang tidak mempunyai hak untuk mengambil bahagian melebihi jumlah tertentu dalam pengagihan sama ada keuntungan atau modal).

“Individu Terlarang” bermaksud, pada bila-bila masa:

- (a) mana-mana individu yang disenaraikan dalam mana-mana senarai berkaitan Sekatan bagi individu yang ditentukan yang diselenggara oleh Pihak Berkuasa Sekatan;
- (b) mana-mana individu yang beroperasi, organisasi, bermastautin, diperbadankan, berdaftar atau menetap secara sah di Negara yang Disekat; atau
- (c) mana-mana individu yang dikawal atau dimiliki sepenuhnya oleh seseorang yang diterangkan dalam (a) atau (b) di atas.

“Negara yang Disekat” bermaksud, pada bila-bila masa, negara atau wilayah yang menjadi subjek atau sasaran mana-mana Sekatan menyeluruh atau seluruh negara atau seluruh wilayah, termasuk tetapi tidak terhad kepada Korea Utara, Iran, Syria, Cuba, wilayah Crimea Ukraine dan Israel.

“Sekatan” bermaksud sebarang sekatan perdagangan, ekonomi atau kewangan, larangan atau langkah sekatan atau undang-undang atau peraturan berkaitan yang digubal, dikenakan, ditadbir atau dikuatkuasakan dari semasa ke semasa oleh:

- (a) kerajaan Amerika Syarikat, termasuk yang ditadbir oleh Pejabat Kawalan Aset Asing Jabatan Perbendaharaan A.S. atau Jabatan Negara A.S.;
- (b) Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu;
- (c) Kesatuan Eropah dan mana-mana negara anggota Kesatuan Eropah;
- (d) United Kingdom;

- (e) Bank Negara Malaysia; atau
- (f) mana-mana pihak berkuasa kerajaan lain yang berkaitan (termasuk, untuk mengelakkan keraguan, pihak berkuasa kerajaan yang mempunyai bidang kuasa ke atas (i) Pelanggan dan/atau OCBC (sama ada berdasarkan bidang kuasa penubuhannya atau tempat perdagangannya, perniagaan atau lain-lain aktiviti operasi) atau (ii) transaksi yang dinyatakan oleh Terma dan Syarat ini),  
(setiap satu, "Pihak Berkuasa Sekatan").

### 3A.2 Perwakilan dan Jaminan Sekatan oleh Pelanggan

Pelanggan dengan ini mewakilkan dan memberi jaminan kepada OCBC seperti berikut:

- (a) sama ada Pelanggan mahupun Ahli Sekutunya bukan Individu Terlarang;
- (b) Perkhidmatan OCBC tidak boleh digunakan secara langsung atau tidak langsung untuk apa-apa tujuan yang akan melanggar mana-mana Sekatan atau yang akan membiayai atau memudahkan sebarang aktiviti, perniagaan atau transaksi, atau dengan, mana-mana Individu Terlarang atau mana-mana Negara yang Disekat atau digunakan untuk membiayai pembelian atau pemindahan mana-mana barang atau peralatan ketenteraan;
- (c) Pelanggan telah melaksanakan dan mengekalkan dasar dan prosedur yang akan memastikan pematuhan dengan perwakilan, jaminan dan aku janji yang dinyatakan dalam Klausus 3A ini;
- (d) Pelanggan dan Ahli Sekutunya tidak melanggar mana-mana undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan Sekatan.

### 3A.3 Aku Janji Sekatan oleh Pelanggan

Pelanggan dengan ini beraku janji kepada OCBC seperti berikut:

- (a) ia tidak boleh, sama ada secara langsung atau tidak langsung, melakukan sebarang transaksi dengan dana atau aset yang:
  - (i) membentuk harta, atau akan dimiliki secara benefisial oleh, mana-mana Individu Terlarang; atau
  - (ii) ialah hasil langsung yang diperoleh daripada sebarang transaksi yang melanggar Sekatan yang dikenakan kepada mana-mana pihak di sini.
- (b) ia akan segera menghantar kepada OCBC dan membenarkan OCBC mendapatkan butiran atas sebarang tuntutan, tindakan, saman, prosiding atau siasatan terhadapnya atau Ahli Sekutunya oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan, kehakiman atau pihak berkuasa kawal selia berkenaan dengan Sekatan setakat butiran tersebut yang tersedia untuknya.
- (c) ia tidak akan (dan hendaklah memastikan bahawa setiap Ahli Sekutunya tidak akan) melanggar sebarang Sekatan dan tidak akan menjalankan atau terlibat dalam, secara langsung atau tidak langsung, sebarang transaksi, tingkah laku, perdagangan, perniagaan atau aktiviti lain yang boleh mengakibatkan pelanggaran terhadap sebarang Sekatan.
- (d) ia tidak akan (dan hendaklah memastikan bahawa tiada Ahli Sekutunya akan) secara langsung atau tidak langsung menggunakan, atau membenarkan atau memberi kuasa kepada mana-mana individu lain untuk secara langsung atau tidak langsung menggunakan, semua atau mana-mana bahagian Perkhidmatan OCBC:
  - (i) untuk sebarang tujuan (secara langsung atau tidak langsung) yang akan melanggar mana-mana Sekatan atau yang akan membiayai atau memudahkan apa-apa aktiviti, perniagaan atau transaksi, atau dengan, mana-mana Individu Terlarang atau mana-mana Negara yang Disekat atau yang akan melanggar mana-mana Undang-undang Pencegahan Rasuah, Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram atau undang-undang pembiayaan keganasan; atau
  - (ii) dalam apa-apa cara lain yang boleh mengakibatkan Pelanggan atau OCBC melanggar mana-mana Sekatan (jika dan setakat yang berkenaan kepada salah satu daripadanya) atau menjadi tertakluk pada mana-mana Sekatan.
- (e) ia hendaklah (dan ia hendaklah memastikan bahawa setiap Ahli Sekutunya akan) menjalankan perniagaannya dan mengekalkan dasar dan prosedur yang akan memastikan pematuhan Undang-undang Pencegahan Rasuah dan Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram.

### Bahagian 3 – Terma Am

#### 4. AKAUN PENGGUNA

- 4.1 Akses kepada dan penggunaan API OCBC adalah terhad kepada pengguna yang dibenarkan sahaja. Pelanggan tidak boleh mendapatkan atau cuba mendapatkan akses kepada API OCBC tanpa kebenaran, atau kepada mana-mana maklumat lain yang dilindungi, melalui sebarang cara yang tidak sengaja disediakan oleh OCBC untuk kegunaan khusus Pelanggan.
- 4.2 Nama Pengguna dan Kata Laluan mungkin sama ada: (i) ditentukan dan dikeluarkan kepada Pelanggan oleh OCBC; atau (ii) disediakan oleh Pelanggan dan diterima oleh OCBC mengikut budi bicara tunggal dan mutlak OCBC berhubung dengan penggunaan dan/atau akses API OCBC. OCBC berhak untuk membatalkan, mengantung atau menamatkan akaun pengguna, Nama Pengguna dan/atau Kata Laluan yang dikeluarkan kepada Pelanggan dan tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh atau disebabkan oleh Pelanggan atau yang timbul daripada atau berhubung dengan atau atas sebab pembatalan, pengantungan atau penamatan sedemikian melainkan kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan disebabkan semata-mata oleh kecuaian melampau OCBC. Pelanggan dengan ini bersetuju untuk menukar Kata Laluan Pelanggan dari semasa ke semasa dan untuk memastikan Nama Pengguna dan Kata Laluan sulit dan hendaklah bertanggungjawab ke atas keselamatan akaun pengguna Pelanggan dan bertanggungjawab untuk sebarang pendedahan atau penggunaan (sama ada penggunaan tersebut dibenarkan atau tidak) Nama Pengguna dan/atau Kata Laluan. Pelanggan hendaklah memaklumkan kepada OCBC dengan segera jika Pelanggan mengetahui bahawa atau mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa kerahsiaan Nama Pengguna dan/atau Kata Laluan telah dikompromi atau jika terdapat sebarang penggunaan Nama Pengguna dan/atau Kata Laluan tanpa kebenaran.
- 4.3 Pelanggan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas penggunaan akaun pengguna, Nama Pengguna atau Kata Laluan yang dikeluarkan kepada Pelanggan atau sebarang bentuk atau cara pengenalan lain yang ditentukan oleh OCBC, untuk digunakan dengan API OCBC. Mana-mana:
- (i) penggunaan atau akses kepada (sama ada sebenar atau dinyatakan), API OCBC, dan/atau sebarang data untuk atau bagi pihak Pengguna Akhir;
  - (ii) penggunaan atau akses kepada (sama ada sebenar atau dinyatakan), API OCBC, Komunikasi OCBC;
  - (iii) Arahan Elektronik Pengguna Akhir; atau
  - (iv) Komunikasi Pelanggan,
- sama ada dibenarkan atau tidak oleh Pelanggan (atau dimana berkenaan, Pengguna Akhir), yang boleh dirujuk kepada akaun pengguna, Nama Pengguna atau Kata Laluan yang dikeluarkan kepada Pelanggan atau sebarang bentuk atau cara pengenalan lain seperti yang ditentukan oleh OCBC, hendaklah, mengikut mana yang berkenaan, dianggap sebagai:
- (a) penggunaan atau akses kepada API OCBC dan/atau mana-mana data oleh Pelanggan untuk atau bagi pihak Pengguna Akhir yang memenuhi keperluan mana-mana mandat, kebenaran dan arahan pengendalian yang sedang berkuat kuasa berkaitan dengan akaun pengguna;
  - (b) penggunaan atau akses kepada API OCBC, Komunikasi OCBC oleh Pelanggan;
  - (c) Arahan Elektronik Pengguna Akhir yang dihantar dan dikeluarkan secara sah oleh Pelanggan untuk atau bagi pihak Pengguna Akhir yang memenuhi keperluan mana-mana mandat, kebenaran dan arahan pengendalian yang sedang berkuat kuasa berkaitan dengan akaun pengguna; atau
  - (d) Komunikasi Pelanggan dihantar dan dikeluarkan secara sah oleh Pelanggan.
- Pelanggan adalah terikat dengan akses, penggunaan, Arahan Elektronik Pengguna Akhir dan/atau Komunikasi Pelanggan tersebut, dan Pelanggan bersetuju bahawa OCBC berhak (tetapi tidak diwajibkan) untuk bertindak, bergantung pada akses, penggunaan, Arahan Elektronik Pengguna Akhir tersebut dan/atau Komunikasi Pelanggan.
- Pelanggan hendaklah bertanggungjawab dan dipertanggungjawabkan sepenuhnya ke atas OCBC berkenaan dengannya seolah-olah akses, penggunaan, Arahan Elektronik Pengguna Akhir dan/atau Komunikasi Pelanggan (mengikut mana yang berkenaan) yang sama telah dijalankan atau dihantar oleh Pelanggan.
- 4.4 Pelanggan bertanggungjawab untuk menjamin keselamatan dan persediaan keselamatan, penyulitan dan penghantaran Komunikasi Pelanggan kepada OCBC seperti berikut:
- (a) Pelanggan hendaklah memastikan bahawa ia mempunyai proses dan prosedur dalaman yang berkesan untuk memastikan bahawa hanya pegawai yang diberi kuasa yang sewajarnya mempunyai akses untuk menyediakan dan membuat Komunikasi Pelanggan untuk penghantaran kepada OCBC, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kod pengesahan, penyulitan, kata laluan, tandatangan digital, sijil dan peranti keselamatan lain, sistem dan perisian yang direka untuk

- mengesahkan dan membenarkan akses hanya kepada pegawai Pelanggan yang diberi kuasa sewajarnya.
- (b) Pelanggan hendaklah melindungi proses penjanaan kunci penyulitan dan jagaan serta penyimpanan kunci penyulitan daripada penggunaan, akses atau pengubahsuaian tanpa kebenaran program penyulitan yang mestilah memenuhi keperluan minimum seperti yang ditetapkan oleh OCBC dari semasa ke semasa (“Perisian Penyulitan”) untuk menghantar Komunikasi Pelanggan kepada OCBC.
  - (c) Pelanggan hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa semua Komunikasi Pelanggan disulitkan dengan sewajarnya menggunakan Perisian Penyulitan, sebelum dihantar ke OCBC melalui sambungan Internet. Sebarang Komunikasi Pelanggan yang tidak disulitkan dengan sewajarnya menggunakan Perisian Penyulitan mungkin ditolak oleh OCBC dan tidak akan diproses. OCBC tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan untuk sebarang kerugian, kerosakan, tuntutan, liabiliti, kos dan perbelanjaan yang timbul daripada Pelanggan menghantar sebarang Komunikasi Pelanggan kepada OCBC tanpa terlebih dahulu menyulitkan yang sama menggunakan Perisian Penyulitan.

4.5 Pelanggan merepresentasi dan menjamin bahawa:

- (a) kandungan semua Komunikasi Pelanggan adalah benar, betul, dibenarkan dengan sewajarnya oleh Pelanggan dan OCBC berhak untuk bertindak ke atas Komunikasi Pelanggan tersebut tanpa pengesahan dengan Pelanggan tentang kebenaran, ketepatan, integriti dan ketulenan, atau pemberian kuasa untuk, Komunikasi Pelanggan tersebut; dan
- (b) Komunikasi Pelanggan adalah bebas daripada virus, virus Trojan horse, perisian perosak, bot dan/atau makro atau komponen berbahaya lain yang boleh merosakkan atau mengubah suai mana-mana bahagian Komunikasi Pelanggan atau menyebabkan sebarang bahanaya atau kerugian dan kerosakan kepada OCBC atau sistemnya dalam apa cara sekalipun.
- (c) OCBC telah diberikan, atau Pelanggan hendaklah mendapatkan bahawa OCBC akan diberikan, lesen yang diperlukan untuk menggunakan Aplikasi Pelanggan bagi tujuan Perkhidmatan OCBC.

4.6 Pelanggan boleh memberi kuasa kepada Ejen Pelanggan untuk membuat, menghantar dan menerima penghantaran maklumat, arahan, pesanan pembayaran, mesej dan komunikasi lain (setiap satu “Komunikasi”) untuk dan bagi pihak Pelanggan, di bawah Perkhidmatan API Korporat OCBC yang dilanggani oleh Pelanggan dan dilaksanakan berkenaan dengan akaun Pelanggan.

- (a) Pelanggan bertanggungjawab sepenuhnya untuk, dan hendaklah secara bebas, menilai dan memutuskan kesesuaian dan kebolehpercayaan memberi kuasa kepada Ejen Pelanggan untuk membuat dan menghantar Komunikasi kepada OCBC, serta menerima Komunikasi daripada OCBC. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada penilaian Pelanggan terhadap piawaian keselamatan Ejen Pelanggan, proses dan prosedur dalaman dan keupayaan (atau pengehadan) untuk memasang, melaksanakan dan menyelenggara infrastrukturnya untuk menyokong fungsi Perkhidmatan API Korporat OCBC.
- (b) Walau apa pun kuasa yang diberikan kepada Ejen Pelanggan untuk membuat, menghantar dan menerima Komunikasi dan Komunikasi dibuat, dihantar dan diterima oleh Ejen Pelanggan, Pelanggan masih dipertanggungjawabkan sepenuhnya di bawah Terma Penggunaan ini. Pelanggan hendaklah memastikan dan mendapatkan bahawa Ejen Pelanggan melaksanakan tugas dan kewajipan yang dikenakan ke atas Pelanggan di bawah Terma Penggunaan ini, supaya tidak menyebabkan Pelanggan melanggar mana-mana tugas dan kewajipannya. Jika Ejen Pelanggan bertindak atau tidak bertindak melanggar mana-mana terma dan syarat ini, Pelanggan sebagai prinsipal akan terikat dan bertanggungjawab sepenuhnya untuk semua pelanggaran oleh Ejen Pelanggan, seolah-olah Pelanggan sendiri telah melakukan pelanggaran tersebut. Pelanggan hendaklah memastikan dan mendapatkan bahawa,
  - (i) Ejen Pelanggan hendaklah memasang dan melaksanakan Perisian Penyulitan dan memasang, melaksanakan dan menyelenggara infrastruktur Ejen Pelanggan untuk memastikan Perisian Penyulitan berfungsi seperti yang dimaksudkan, pada tahap yang sama dikenakan ke atas Pelanggan dalam Terma Penggunaan ini.
  - (ii) Ejen Pelanggan hendaklah mengambil langkah yang sama yang dikenakan ke atas Pelanggan dalam Terma Penggunaan ini, untuk penyediaan, penyulitan dan penghantaran Komunikasi yang selamat dan terjamin kepada Bank.
  - (iii) semua tugas dan kewajipan yang dikenakan ke atas Pelanggan hendaklah dilaksanakan oleh Pelanggan yang bertindak melalui Ejen Pelanggan, jika gagal, semua pelanggaran akan dikaitkan dengan Pelanggan.
